



PERSATUAN OLAHRAGA MASTER MALAYSIA

LAPORAN

**PENYERTAAN KONTINJEN NEGARA
DALAM KEJOHANAN OLAHRAGA MASTER ASIA
KE-23**

CHENNAI, TAMILNADU, INDIA

5 – 9 NOVEMBER 2025

***KONTINJEN NEGARA MEMENANGI 15 PINGAT EMAS,
DAN 2 REKOD BAHARU KEJOHANAN***

PENDAHULUAN

Kejohanan Olahraga Master Asia Ke-23 (23RD AMAC) telah berlangsung di Chennai, Tamil Nadu, India, pada 5 – 9 November 2025. Persatuan Olahraga Master Malaysia (POMM) telah menghantar satu kontinjen yang terdiri daripada seramai 56 orang atlet master negara, dan 4 orang pegawai kontinjen untuk mengambil bahagian dalam kejohanan tersebut. Kontinjen kita telah bertolak pada 4 November dan balik pada 10 November, beberapa orang atlet telah mengambil peluang ini untuk melawat negara itu. Seramai 3319 orang atlet master dari 21 buah negara Asia telah menyertai dalam kejohanan ini.

MAJLIS PENYERAHAN BENDERA NEGARA KEPADA KONTINJEN NEGARA

Satu majlis ringkas Penyerahan Bendera Negara kepada kontinjen negara telah diadakan pada :

Tarikh: 26 Oktober 2025
Masa: 12.00 tgh
Tempat: Stadium UPM, Serdang

Majlis ini telah dirasmikan oleh ***Yang Berusaha Tuan Mohd Uzaini Bin Mohamad Sani*** (Pengarah, Cawangan Pembangunan Sosial, Bahagian Pembangunan Belia, KBS). Selepas majlis selesai, jamuan makan tengah hari telah disediakan untuk semua tetamu dan para atlet .

SENARAI NAMA ATLET YANG TELAH MENDAFTAR

Senarai nama atlet master negara yang telah mendaftar untuk menyertai dalam kejohanan ini adalah seperti dalam lampiran.

Kesemua peserta dari negara telah mengambil bahagian dengan penuh semangat dan telah mempamerkan '*sportsmanship*' yang amat membanggakan.

Tahniah kepada semua atlet negara kita!

PAKAIAN KONTINJEN NEGARA

POMM telah membekalkan pakaian seragam seperti berikut kepada semua atlet negara dan Pegawai Kontinjen:

- Baju Trek (sepasang)
- Baju T
- 'Running vest'

- Bendera Jalur gemilang kecil (untuk perbarisan)

JK PENGURUSAN KONTINJEN

POMM telah melantik pegawai-pegawai berikut untuk menguruskan kontinjen kita:

Penasihat : YBhg Datuk Hj Nawawi Hj Reduan
Naib Presiden POMM

Pengurus Pasukan : Encik Selamat bin Sarif
Timbalan Presiden POMM

Timb. Pengurus Pasukan: SM(B) GP Balan
Setiausaha Kht POMM

Chaperon : Puan Hjh Jamaliah bt Mohammad
Pen. Setiausaha Kht POMM

KEPUTUSAN RASMI 23RD AMAC

Kontinjen negara telah berjaya memenangi

Pingat Emas	15
Pingat Perak	05
Pingat Gangsa	03

Secara keseluruhan negara kita mendapat tempat ke-7 di antara 21 negara yang telah mengambil bahagian.

Sebanyak 2 rekod baharu kejohanan telah dicatatkan oleh 2 orang atlet master kita seperti berikut:

- | | |
|--------------------------------|----------|
| 1. Thomas Kok (M80) | 37:45.2s |
| - acara 5000m Berjalan kaki | |
| 2. Juliana Gumpil (W60) | 2.21m |
| - Acara Lompat Bergalah | |

Pada kali ini tidak ramai atlet master yang menyertai 23rd AMAC. Inilah sebabnya pingat yang diperoleh kurang daripada tahun 2023.

ASIA MASTERS ATHLETICS

Asia Masters Athletics (AMA) adalah badan yang mengawal sukan olahraga masters di peringkat Asia. POMM menjadi Ahli Gabungan AMA. Pada 7 November 2025, AMA General Assembly telah diadakan di Savera Hotel, jam 5.00 petang. Encik Selamat bin Sarif dan SM(B) GP Balan telah menghadiri mewakili POMM.

Sukacita dimaklumkan bahawa pegawai-pegawai kanan POMM memegang jawatan tertinggi di AMA seperti berikut:

Encik S. Sivapragasam : **Setiausaha Agung AMA**
(Presiden POMM)
- dipilih dalam AM GA pada tahun 2023.

Cik R. Kalaivalli : **Pengerusi Wanita**
(Penasihat POMM)
- dipilih dalam AMA GA pada tahun 2023

Encik S. Murali : **Juruaudit Dalaman**
(Bendahari Kht POMM)
- dilantik dalam AMA GA pada tahun 2023

PENYERTAAN PESERTA MALAYSIA DALAM AMA MANAGEMENT COURSE

AMA Management Course telah diadakan pada 6 November 2025, mulai 8.30 pagi hingga 1.00 petang, di Jawaharlal Stadium, Chennai.

Seramai 3 orang pegawai dan 2 orang atlet telah menghadiri kursus ini.

PENCERAMAH

Encik S. Sivapragasam dan **Cik R. Kalaivalli** telah mengelola AMA Management Course serta memberi ceramah dalam kursus tersebut : Topik-topik yang disampaikan oleh mereka adalah : ***Good Governance, Problem Solving dan History of WMA and AMA.***

PENGADIL BERJALAN KAKI ANTARABANGSA

- UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA YBHG DATUK PRESIDEN MA

Ucapan penghargaan kepada YBhg Datuk Karim Ibrahim, Presiden Malaysia Athletics kerana mencalonkan Encik S. Govindaraju, Setiausaha Persatuan Olahraga Kedah untuk bertugas sebagai Pengadil Berjalan kaki Antarabangsa dalam 23rd AMAC di Chennai. Beliau telah melaksanakan tugasnya dengan baik.

UCAPAN TERIMA KASIH DAN PENGHARGAAN

Kami pihak POMM mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada:

Kementerian Belia dan Sukan

Jabatan Belia dan Sukan Negara

Malaysia Athletics

Semua Ahli Gabungan POMM

Semua Ahli Majlis Tertinggi POMM

atas perestuan, bantuan, sokongan dan nasihat yang telah diberikan kepada pihak kami sehingga berjaya menyertai dalam 23rd AMAC, serta memenangi 23 pingat dalam kejohanan peringkat Asia.

Sekian, terima kasih.

S. Sivapragasam, AMW
Presiden POMM
20 November 2025

Majlis Penyampaian Bendera Negara kepada Kontinjen Atlet master negara



Ucapan oleh Yang Berusaha Tuan Mohd Uzaini Bin Mohamad Sani



Venue untuk 23rd AMAC di Chennai, Tamil Nadu



Pemenang pingat emas dalam acara 5000m Berjalan kaki (W55)



Pemenang pingat emas dan pencatat rekod baharu kejohanan



Presiden POMM telah diberi penghormatan oleh pihak penganjur



**Atlet Malaysia pemenang 2024 WMA Gallery of Champions
diberi penghormatan oleh Asia Masters Athletics (AMA)**



Pegawai POMM dalam Mesyuarat Pengurus Pasukan di Chennai



Peserta AMA Management Course bersama-sama dengan pegawai Malaysia yang telah memberi ceramah.



Juliana Gumpil dengan Presiden World Masters Athletics, Asia Masters Athletics dan pegawai/atlet Malaysia

